

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**  
**YB DATUK DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH**  
**TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**KARNIVAL KEUSAHAWANAN DAN INOVASI**  
**KOLEJ POLY-TECH MARA KOTA BHARU, KELANTAN**  
**23 APRIL 2016 (SABTU)**

**[SALUTASI AKAN DIMUKTAMADKAN KEMUDIAN]**

*Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,*

1. Terlebih dahulu setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, maka dapatlah kita bersama-sama menghadiri **Majlis Perasmian Karnival Keusahawanan dan Inovasi Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Kota Bharu, Kelantan** untuk tahun 2016. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada pihak pengajur dan sekalung tahniah atas usaha dan komitmen semua pihak dalam memastikan majlis pada hari ini berlangsung dengan jayanya.

*Hadirin sekalian,*

2. Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak pernah menyampaikan amanat beliau kepada rakyat Malaysia untuk mentransformasikan negara ini kepada sebuah negara yang membangun dan berpendapatan tinggi. YAB Perdana Menteri telah menyatakan bahawa pendidikan tinggi boleh dijadikan sebagai wadah untuk melahirkan modal insan yang berkemampuan untuk menyahut cabaran dan telah menekankan peri pentingnya institusi pengajian tinggi sebagai jantung bangsa yang berperanan dalam membina tamadun dan kekuatan rakyat Malaysia. Justeru, semua universiti awam mahu pun institusi pengajian tinggi swasta diseru untuk memenuhi kehendak dan ekspektasi keperluan pada masa ini bagi memastikan kelestarian ilmu sentiasa terpelihara.

3. Transformasi bagi negara ini hanya akan menjadi kenyataan melalui sinergi bersama ke arah untuk meningkatkan keupayaan

pengetahuan dan peningkatan keupayaan berinovasi di kalangan para pelajar. Masyarakat umumnya dan para pelajar khususnya pada hari ini telah mengalami evolusi pemikiran yang matang dan berdaya saing dan perkara ini sekali gus mampu untuk melonjakkan aspek pembangunan modal insan berlandaskan pengetahuan dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) ke suatu peringkat yang lebih tinggi selaras dengan Teras Strategik seperti yang telah digariskan dalam Dasar STI Negara (DSTIN). Pada hemat saya, platform seumpama ini mampu untuk memberi dorongan dan rangsangan kepada para pelajar agar lebih banyak kejayaan serta pencapaian yang gemilang akan dapat diraih.

*Hadirin dan hadirat sekalian,*

4. Saya percaya KPTM sebagai sebuah kolej yang bermatlamat untuk menjadi sebuah institusi pendidikan yang berupaya untuk menghasilkan tenaga kerja kreatif dan inovatif terkemuka di rantau ini, aspek pembangunan ilmu melalui pembudayaan inovasi perlu diberikan penekanan yang serius. Dalam konteks yang sama, penghasilan idea-idea baru yang kreatif dan berinovasi merupakan suatu elemen yang amat penting dalam memastikan institusi KPTM untuk terus kekal relevan. Pada kesempatan ini, saya ingin menyeru agar semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan dasar serta program yang berkaitan perlulah bersikap lebih strategik serta mempunyai matlamat yang jelas.

5. Seperti semua sedia maklum, peluang untuk menjalankan penyelidikan demi menghasilkan idea-idea yang berkualiti kini terbentang luas. Peluang ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan akademia melalui penggunaan teknologi dan inovasi yang kompetitif. Pemilihan serta perancangan bagi pelaksanaan penyelidikan amat kritikal dewasa ini dalam menghasilkan sesuatu impak yang besar dan signifikan selari dengan perkembangan negara kita.

*Hadirin sekalian,*

6. Saya amat berkeyakinan bahawa semua yang ditonjolkan pada hari ini adalah merupakan inisiatif dan hasil jerih perih anda semua, para kakitangan kolej dan para pelajar. Penganjuran **Karnival**

**Keusahawanan dan Inovasi** ini akan menyediakan platform kepada para pelajar untuk menonjolkan potensi diri masing-masing sama ada dalam aspek keusahawanan dan inovasi.

7. Sebelum saya mengundurkan diri, saya ingin berpesan kepada semua warga KPTM sekalian agar memastikan pencapaian melalui penciptaan tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini akan memberi impak yang positif kepada masyarakat setempat. Suka saya mengingatkan bahawa kita perlu sentiasa meletakkan kepentingan masyarakat dalam agenda ini serta memastikan pembudayaan inovasi dalam gerak kerja warga KPTM sebagai kayu pengukur yang mampu untuk melonjakkan inovasi yang akhirnya akan menyumbang kepada pembangunan negara. Akhir kata, teruskanlah usaha murni anda semua ini dan sentiasakekalkan integriti serta nilai-nilai budi pekerti yang tinggi demi meningkatkan martabat diri, keluarga dan negara.

8. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan ini saya merasmikan **Karnival Keusahawanan dan Inovasi Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Kota Bharu bagi tahun 2016** ini.

Wabillahitaufik Walhidayah Wasalamualaikum W.B.T. Terima kasih.